



SIARAN AKHBAR

KUNJUNGAN HORMAT KEPADA
**YB PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN
HAJI OSMAN, MENTERI PEMBANGUNAN DARIPADA
TYT HIROSHI OKADA, SENIOR VICE-MINISTER OF CABINET OFFICE, JEPUN**

**PEJABAT AMBD, LEVEL 14, BANGUNAN KEMENTERIAN KEWANGAN,
COMMONWEALTH DRIVE
19 RABIULAWAL 1435 BERSAMAAN DENGAN 21 JANUARI 2014**

1. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan, selaku Timbalan Pengerusi Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), pada pagi ini telah menerima kunjungan hormat daripada Tuan Yang Terutama Hiroshi Okada, Senior Vice-Minister Of Cabinet Office, Jepun, yang juga bertanggungjawab bagi Financial Services Agency (FSA), Jepun. Kunjungan hormat tersebut telah diadakan di Pejabat AMBD, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan.
2. Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Tuan Yang Terutama Senior Vice-Minister Of Cabinet Office, Jepun membincangkan mengenai beberapa perkara termasuk tren ekonomi dunia yang terkini dan juga isu-isu mengenai kerjasama serantau dan dua hala, terutama di dalam bidang perbankan dan kewangan. FSA adalah sebuah agensi Kerajaan Jepun yang bertanggungjawab untuk mengawalselia perbankan, sekuriti dan bursa, dan insurans di negara tersebut.
3. Hadir sama pada kunjungan hormat tersebut ialah Duta Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Kenichi Suganuma, Pengarah Urusan AMBD, Yang Mulia Dato Paduka Hj Mohd Rosli bin Hj Sabtu, serta pegawai-pegawai kanan dari AMBD dan juga FSA.
4. Sejurus selepas kunjungan hormat berkenaan, Tuan Yang Terutama Hiroshi Okada dan delegasi juga mengadakan satu sesi dua hala dengan Yang Mulia Dato Paduka Hj Mohd Rosli bin Hj Sabtu, Pengarah Urusan AMBD dan pegawai-pegawai kanan AMBD. Tuan Yang Terutama telah diberi penerangan ringkas mengenai AMBD, objektif dan fungsinya serta gambaran ringkas mengenai sektor monetari dan kewangan di Negara Brunei Darussalam.
5. Selepas mesyuarat tersebut, Tuan Yang Terutama Hiroshi Okada mengadakan lawatan ke Galeri Mata Wang, AMBD.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Date : 19 Rabiulawal1435 /21 Januari 2014
Ref : AMBD/MD/20/1

